

Sultan Perak lawat Istana atas undangan Presiden Halimah

SULTAN Perak, Sultan Nazrin Muizzudin Shah, telah melawat Istana malam kelmarin, atas undangan Presiden Halimah Yacob bagi satu majlis rasmi makan malam di sana.

Majlis itu diadakan sempena Kejohanan Golf Berbilang Universiti Canselor Tunku Universiti Malaya-Universiti Nasional Singapura (UM-NUS) yang ke-51.

Sultan Nazrin yang juga merupakan Canselor Universiti Malaya (UM), berada di sini kerana menghadiri kejohanan tersebut.

Singapura merupakan tuan rumah bagi kejohanan tahun ini.

Tahun lalu, ia diadakan di Kuala Lumpur.

Kejohanan tahunan itu bertujuan membina hubungan akrab antara kedua universiti dari Singapura dan Malaysia melalui permainan golf.

Ia berlangsung selama dua hari sejak kelmarin.

Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah NUS, Encik Hsieh Fu Hua, dan para pemain golf yang mengambil bahagian dalam kejohanan tersebut turut hadir di majlis jamuan malam itu.

Sepanjang jamuan dua jam itu, Pre-

“Saya gembira peserta dari kedua universiti memperoleh peluang untuk berinteraksi bersama satu sama lain semasa jamuan makan malam tadi.”

– Presiden Halimah Yacob dalam Facebook rasmi beliau.

siden Halimah bertanya khabar dan mengikuti perkembangan Sultan Nazrin.

Para pemain golf dari kedua universiti juga merebut peluang beramah mesra di antara satu sama lain.

Menulis dalam satu pos di laman Facebook rasmi beliau, Presiden Halimah berkata:

“Saya gembira bahawa peserta dari kedua universiti memperoleh peluang untuk berinteraksi bersama satu sama lain semasa jamuan makan malam tadi.”



ERAT HUBUNGAN: Presiden Halimah berinteraksi bersama Sultan Nazrin (*kanan*) dan Encik Hsieh Fu Hua (*kiri*) di Istana kelmarin. – Foto MCI